

SULIT
3766/2
PERNIAGAAN
Kertas 2
Oktober 2020
2 jam 15 minit

3766/2



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2020

PERNIAGAAN

Kertas 2

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas ini mengandungi tiga bahagian : Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
- 2 *Jawab lima soalan di Bahagian A, dua soalan di Bahagian B dan satu soalan wajib dalam Bahagian C.*
- 3 *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas kajang yang disediakan.*
- 4 *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
- 5 *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

- 1 (a) Jelaskan kesan kewujudan organisasi bermotifkan untung (OBU) kepada masyarakat. [3 markah]
- (b) Gambar 1 merupakan satu bentuk perniagaan.



Gambar 1

Jelaskan kelebihan perniagaan tersebut kepada syarikat induk. [3 markah]

- (c) Gaya pengurusan negatif boleh menyebabkan persekitaran kerja yang tidak kondusif dan tidak produktif.

Terangkan gaya pengurusan yang dimaksudkan. [4 markah]


- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan trend persekitaran perniagaan.

Sejak 4 tahun beroperasi, hasil jualan Restoran Pedas Berapi menunjukkan kemerosotan dalam tempoh empat bulan terakhir ini. Selain daripada masalah kemelesetan ekonomi, keadaan ini juga berpunca daripada beberapa faktor dalaman perniagaan ini sendiri.

Jelaskan faktor dalaman yang dimaksudkan.

[4 markah]

- (b) Logo 1 berkaitan sebuah organisasi yang dibentuk melalui visi, misi dan objektif.



Logo 1

Mengapakah organisasi ini ditubuhkan?


[3 markah]

- (c) Jelaskan faktor luaran positif yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif bagi sesebuah perniagaan.

[3 markah]

- 3 (a) $X + Y = \text{Jumlah Kos}$
Huraikan X dan Y. [6 markah]
- (b) Rajah 1 berkaitan bahagian fungsian yang terdapat dalam sebuah organisasi perniagaan.


Syarikat Percetakan Akhbar Harian Sdn. Bhd.



Rajah 1


- (i) Jelaskan tujuan pembahagian fungsian tersebut. [2 markah]
- (ii) Apakah saluran agihan yang paling sesuai digunakan oleh perniagaan tersebut? Jelaskan. [2 markah]

- 4 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan faedah yang ditawarkan oleh pihak majikan.



Bagaimanakah faedah tersebut membantu peranan pengurusan sumber manusia?
[5 markah]

- (b) Gambar 2 menunjukkan sumber fizikal yang diperlukan oleh sesebuah perniagaan.



Gambar 2

Apakah sumber fizikal tersebut? Jelaskan prosedur pengurusan yang terlibat.
[5 markah]

- 5 (a) Logo 2 berkaitan dengan agensi yang terlibat dalam pembiayaan perniagaan.



Logo 2

Jelaskan peranan agensi tersebut.

[3 markah]

- (b) Situasi berikut berkaitan dengan pembiayaan perniagaan.

Puan Kila merupakan pengeluar karipap sejuk beku secara kecil-kecilan di rumahnya. Memandangkan hasil jualan bertambah baik, beliau bercadang untuk meningkatkan pengeluaran dengan membuka premis perniagaannya sendiri. Selain daripada simpanan peribadi, Puan Kila perlu mendapatkan sumber pembiayaan lain sebagai modal tambahan.

- (i) Apakah sumber pembiayaan tersebut?


[1 markah]

- (ii) Huraikan jenis pembiayaan yang paling sesuai di 5(b)(i) untuk membantu Puan Kila.

[3 markah]

- (c) Rajah 2 menunjukkan titik pulang modal bagi pengeluaran majalah Syarikat Percetakan Ilham Sdn. Bhd.

Hasil / Kos (RM)



Rajah 2

Hitung titik pulang modal bagi perniagaan tersebut sekiranya harga jualan senaskah majalah adalah RM40.00 dan kos berubah seunit RM25.00.

[3 markah]

- 6 (a) Jadual 1 menunjukkan maklumat kewangan bagi Syarikat Sivaliam Sdn. Bhd.

Butir	RM
Aset semasa	25 000
Aset bukan semasa	34 000
Liabiliti semasa	7 000
Jualan	58 700
Kos jualan	39 800
Untung kasar	18 900

Jadual 1

- (i) Kira peratusan untung tokokan bagi syarikat tersebut. [3 markah]
- (ii) Jelaskan peranan pengiraan jawapan di 6(a)(i) [2 markah]
- (b) Gambar 3 menunjukkan salah satu kaedah promosi.



Gambar 3

Apakah kaedah tersebut? Jelaskan

[5 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 7 (a) Logo 3 berkaitan klasifikasi perniagaan.



Logo 3

Terangkan cabaran yang dihadapi oleh perniagaan tersebut.

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan situasi ekonomi.

Negara M mengalami suatu masalah ekonomi yang serius dimana harga barang dan perkhidmatan menunjukkan penurunan secara berterusan untuk tempoh dua tahun. Hal ini menyebabkan banyak perniagaan terjejas terutamanya dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana kerana gagal mencapai matlamat dan objektif perniagaan yang telah ditetapkan.


- (i) Apakah masalah ekonomi yang berlaku di negara M? [1 markah]
- (ii) Bagaimanakah cara kerajaan mengatasi masalah ekonomi di 7(b)(i)? [6 markah]
- (iii) Jelaskan implikasi kegagalan tersebut kepada peniaga kecil dan sederhana. [4 markah]

- 8 (a) Situasi berikut berkaitan dengan satu bahagian fungsian dalam perniagaan.

Kita perlu mencari bahan mentah daripada pembekal yang baharu kerana pembekal sedia ada tidak dapat memenuhi kehendak kita.



- (i) Apakah bahagian fungsian yang dapat mengatasi masalah tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan tatacara yang perlu dilakukan oleh bahagian fungsian di 8(a)(i) bagi membantu pekerja tersebut. [6 markah]
- (b) Rajah 3 berkaitan satu faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.



Rajah 3

- Huraikan X. [3 markah]
- (c) Bagaimanakah kekuatan jenama sesuatu produk dapat membantu usahawan dalam pasaran perniagaan? [5 markah]

- 9 (a) Maklumat berikut merupakan penyata aliran tunai bagi Kedai Pakaian Seng.

Penyata Aliran Tunai Kedai Pakaian Seng bagi tiga bulan berakhir pada Mei 2020			
	Mac	April	Mei
	RM	RM	RM
Baki b/b	35 000	(c)	(e)
PENERIMAAN			
Jualan tunai	75 000	43 200	110 000
Pinjaman	-	-	20 000
JUMLAH PENERIMAAN	75 000	43 200	130 000
PEMBAYARAN			
Belian tunai	35 000	58 000	62 000
Gaji	7 000	7 000	8 500
Sewa	1 200	1 200	1 200
Kos jualan	20 000	13 000	17 200
JUMLAH PEMBAYARAN	(a)	79 200	(f)
LEBIHAN / (KURANGAN)	(b)	(d)	41 100
Baki h/b	(i)	(ii)	(iii)

- (i) Hitung baki akhir bagi setiap bulan. [6 markah]
- (ii) Penyediaan penyata di 9(a)(i) dapat menjadi sumber rujukan bagi perniagaan. Berikan pendapat anda? [3 markah]
- (b) Berdasarkan situasi, nyatakan jenis dokumen yang terlibat.
- (i) Kedai Elektrik Peter menjual peti sejuk kepada pelanggannya secara kredit. [2 markah]
- (ii) Perniagaan Zehan Enterprise hanya menjalankan perniagaan secara tunai sahaja. [2 markah]
- (iii) Encik Halimi telah mengambil stok beras dari kedainya bagi tujuan kegunaan keluarga sendiri. [1 markah]
- (iv) Pasaraya Trillion ingin mengetahui baki wang perniagaan daripada pihak bank. [1 markah]


BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab.

- 10 Irwan, Bahar dan Yusman merupakan tiga orang usahawan yang ingin membuka perniagaan jualan atas talian, I-BaY. Yusman telah mencadangkan mereka membuka perniagaan secara perkongsian tetapi ditolak oleh Irwan dan Bahar kerana mereka berdua ingin membuka perniagaan dalam bentuk syarikat sendirian berhad.

Semasa merancang pembentukan perniagaan tersebut, mereka bertiga telah mengagihkan bahagian fungsian yang bersesuaian dengan perniagaan seperti carta organisasi di bawah. Namun, Irwan merasakan bahawa perniagaan mereka perlu mewujudkan satu lagi bahagian fungsian lain yang boleh menguruskan perisian syarikat dengan selamat, mudah dan cekap.



Bagi merealisasikan perancangan perniagaan ini, mereka memerlukan modal tambahan sebanyak RM200,000. Bahar dan Yusman memberi cadangan bahawa mereka perlu membuat pinjaman bank kerana terdapat pelbagai pakej pinjaman yang disediakan oleh institusi tersebut kepada usahawan seperti mereka. Sebaliknya, Irwan menolak cadangan mereka dan memilih untuk memohon pakej pembiayaan yang disediakan oleh agensi berikut:

PAKEJ PEMBIAYAAN PUNB

JUMLAH	TEMPOH	KADAR
• Minimum RM100 Ribu sehingga Maksimum RM10 Juta	• Sehingga 10 Tahun	• 5 - 8% Setahun

Setelah mereka bersetuju dengan penerangan dan keputusan Irwan, Bahar diberi tanggungjawab untuk menyediakan rancangan perniagaan bagi memohon pakej pembiayaan tersebut. Seterusnya, Bahar perlu melakukan satu prosedur di agensi tersebut sebelum membuat permohonan pakej pembiayaan yang ditawarkan.

Berdasarkan kes, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Mengapakah cadangan Yusman ditolak? [3 markah]
- (b) Apakah bahagian fungsian yang dicadangkan oleh Irwan? Jelaskan peranan bahagian fungsian tersebut. [4 markah]
- (c) Sejauh manakah anda bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Irwan untuk memilih pakej pembiayaan tersebut? [4 markah]
- (d) Terangkan elemen dalam rancangan perniagaan yang perlu diberi perhatian oleh Bahar. [6 markah]
- (e) Jelaskan kepentingan Bahar melakukan prosedur tersebut. [3 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT